

CADANGAN PEMBERIAN KEMUDAHAN PAS IMIGRESEN TEMPOH YANG LAMA DIKENALI SEBAGAI PAS KEDIAMAN BAGI WARGANEGARA ASING YANG TINGGAL DAN MENETAP DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Azmi Haji Hafneh

Dikemaskini: Februari 2018

(Edisi terkini)

KANDUNGAN

		<i>Mukasurat</i>
	Ringkasan Eksekutif	
1	Pendahuluan	1
2	Perbandingan kemudahan yang dinikmati oleh Penduduk Tetap Negara Brunei Darusalam, Singapura dan Malaysia	3
3	Profil-profil Warganegara Asing yang telah bermastautin di Negara ini dan tidak termasuk mana-mana Kategori pertimbangan Penduduk Tetap	6
4	Pengertian dan kefahaman Permit dan Pas Imigresen	4
5	Pemberian Residence Pass di Malaysia	5
6	Cadangan Pas Imigresen " <i>Long-Term</i> " bagi Negara ini	12
6.1	Tujuan Pemberian Pas Kediaman	13
6.2	Kategori-kategori yang layak memohon	14
6.3	Jenis-jenis Kemudahan dan keistimewaan yang diberikan kepada Pas Kediaman	16
6.4	Mechanism Pernilaian Pemberian Pas Kediaman	17
6.5	Kesimpulan	19
7	Penutup	20
	<i>Lampiran</i>	

Ringkasan Eksekutif

Ada sebahagian warganegara asing yang memiliki pas-pas Imigresen yang dibenarkan telah memilih untuk menetap dalam tempuh lama di Negara ini. Mereka seolah-olah telah serasi dengan cara hidup dan budaya semasa berada di Negara ini. Di samping itu juga sebahagian mereka telah memilih untuk terus menetap bersama keluarga mereka di Negara ini sebagai jaminan tinggal secara berkekalan. Hasil siasatan dari Jabatan ini, warganegara asing yang menetap di Negara ini dalam tempuh yang agak lama misalnya melebihi dari 10 tahun dengan memegang pas kerja *berjawatan yang profesional, pelabur dan ahli-ahli perniagaan*, mereka hanyalah bergantung kepada pemberian pas kerja bagi tempuh 2 tahun dan sebarang penyambungan masih terikat kepada syarat dan peraturan Jabatan Buruh. Mereka berkeinginan **bagi mendapatkan satu bentuk jaminan bagi membolehkan mereka serta keluarga untuk tinggal lebih lama di negara ini**, dan seterusnya mendapatkan kemudahan lain yang turut dinikmati oleh penduduk negara ini misalnya pemilikan, persekolahan dan kesihatan di negara ini.

Dalam hubungan ini, adalah dicadangkan **permohonan-permohonan bagi kategori kekeluargaan yang difikirkan tidak sesuai mendapatkan taraf penduduk tetap negara ini dan juga kategori penyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan negara, dan juga profesional dihulurkan kemudahan yang berbentuk pas Imigresen khas dalam tempuh yang lama yang iaitu Pas Kediaman (sebelum ini digelar sebagai Pas Mastautin)** bagi warganegara asing yang telah lama bermastautin dan ingin terus menetap di Negara ini.

Negara Malaysia, misalnya, telah memberikan kemudahan pas Imigresen tempuh yang lama (*digelar sebagai Pas Residence*) selain dari status Penduduk Tetap kepada golongan warganegara asing yang dikenalpasti sebagai profesional, pelabur dan ahli-ahli perniagaan untuk tinggal dan bekerja di negara berkenaan ialah negara Malaysia. Bagi Singapura pula, negara berkenaan lebih mirip memberikan status Penduduk Tetap negara berkenaan kepada golongan yang dimaksudkan setelah memenuhi syarat yang diperlukan.

Beberapa perkara dasar yang telah diambil perhatian yang dapat dikaitkan dengan pemberian status Penduduk Tetap iaitu:

- i. *isu kependudukan;*
- ii. *menarik golongan professional, ahli-ahli perniagaan dan pelabur yang dijangka dapat menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi Negara.*
- iii. *cadangan untuk kategori-kategori yang tertentu supaya mereka ini diperlambatkan malahan dikawal pemberian status penduduk tetap dan memadai dikeluarkan pas-pas Imigresen dalam tempuh yang lama dengan dibenarkan untuk bekerja.*

Dalam hubungan ini, adalah dicadangkan supaya suatu jenis pas Imigresen baru diperkenalkan yang mana ianya diberi kuasa oleh Pengawal Imigresen bagi membolehkan kategori warganegara asing yang telah

lama menetap dan tinggal di negara ini dikeluarkan satu kebenaran pas untuk tinggal tempuh 5 tahun secara berterusan yang digelar Pas Kediaman. Ini bermakna pemegang Pas Kediaman diberikan keutamaan untuk tinggal lebih lama dan seterusnya menikmati kemudahan bekerja dan berniaga mahupun belajar di Negara ini tanpa menghiraukan peruntukan yang digariskan oleh syarat dan prosedur Jabatan Buruh, dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang berjalan masa ini. Walaubagaimana pun fakta ini masih lagi perlu dikemaskinikan memandangkan ianya melibatkan isu dasar dan perbincangan lanjut dengan agensi-agensi yang berkaitan.

Cadangan Pemberian Kemudhana Pas Imigresen Tempoh Yang Lama dikenali sebagai ‘Pas Kediaman’ bagi Warganegara Asing yang Tinggal dan Menetap di Negara Brunei Darussalam

1. Pendahuluan

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengemukakan dan membentangkan hasil kajian tentang cadangan **menghulurkan kemudahan yang berbentuk pas Imigresen khas dalam tempuh yang lama** (*'long term residence pass'*) bagi warganegara asing yang telah lama bermastautin dan ingin terus menetap di Negara ini.

Sepertimana yang dimaklumi, konsep pemberian pas Imigresen bagi tempuh yang lama ini (*'long-term pass'*) setentunya ada dipraktikkan di negara ini pada misalnya, pas kerja tempuh 2 tahun mengikut tempuh kontrek, pas lawatan (social) diberikan 1 tahun bagi kategori yang ada mempunyai ikatan kekeluargaan, pas lawatan secara profesional melebihi 3 bulan bagi pakar-pakar yang dijaminkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta (terutama berkaitan dengan industri-industri minyak dan perbankan). Walaubagaimana pun, pemberian pas yang berjalan pada masa ini hanyalah **diperjeniskan mengikut tujuan yang dibenarkan** (misalnya, pas kerja, pas lawatan, pas penuntut, dll), dan setentunya ianya mempunyai had/ syarat tertentu bagi pemegang pas berkenaan misalnya tidak dibenarkan bekerja semasa lawatan/ menuntut, ataupun membawa tanggungan bersama isteri dan anak-anak. Di samping itu juga, sebahagian kategori pas-pas Imigresen yang dibenarkan masih terikat dengan syarat-syarat dan garispandu yang berjalan oleh Jabatan Buruh, dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Ini termasuklah keperluan untuk mempunyai jaminan tempatan, lesen pengambilan pekerja asing, had umur yang telah ditentukan dan juga kontrek penelitian. Malahan keperluan yang dimaksudkan adalah sukatan bagi pihak Jabatan Imigresen di dalam menilai permohonan, dan seterusnya mempertimbangkan serta menghulurkan pas-pas berkenaan.

Kertas kerja ini juga merupakan sebagai kesinambungan kepada 'Kertas Kerja Cadangan bagi Perubahan Garispandu untuk mempertimbangkan permohonan Taraf Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan Isu-isu berkaitan dengannya' terutamanya dalam penelitian terhadap permohonan-permohonan bagi kategori kekeluargaan yang difikirkan tidak sesuai mendapatkan taraf penduduk tetap negara ini dan juga kategori penyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan negara, dan juga profesional.

Dari penelitian selama ini, ada sebahagian warganegara asing yang memiliki pas-pas Imigresen yang dibenarkan telah memilih untuk menetap dalam tempuh lama di Negara ini. Mereka seolah-olah telah serasi dengan cara hidup dan budaya semasa berada di Negara ini tambahan lagi mereka ini telah dapat meningkatkan diri dan seterusnya menyumbangkan kepada ekonomi dan pembangunan Negara yang berbentuk pelaburan, perniagaan, kepakaran dan kemahiran masing-masing. Di samping itu juga sebahagian mereka telah memilih untuk terus menetap bersama keluarga mereka di Negara ini sebagai jaminan tinggal secara berkekalan. Hasil siasatan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, warganegara asing yang menetap di Negara ini dalam tempuh yang agak lama misalnya melebihi dari 10 tahun dengan memegang pas kerja *berjawatan yang profesional, pelabur dan ahli-ahli perniagaan*, mereka hanyalah bergantung kepada pemberian pas kerja bagi tempuh 2 tahun dan sebarang penyambungan masih terikat kepada syarat dan peraturan Jabatan Buruh. Apa yang masih jadi keinginan mereka adalah **bagi mendapatkan satu bentuk jaminan bagi membolehkan mereka serta keluarga untuk tinggal lebih lama di negara ini**, dan seterusnya mendapatkan kemudahan lain yang turut dinikmati oleh penduduk negara ini misalnya pemilikan, persekolahan dan kesihatan di negara ini.

Dalam perspektif lain pula, negara ini masih dalam penelitian tentang dasar kependudukannya yang mana isu yang dikaitkan dengannya antaranya adalah pemberian status penduduk tetap dan taraf kerakyatan. Oleh yang demikian, keperihatinan sebahagian pihak tentang isu berkenaan telah membolehkan isu tersebut diteliti dan mengambil kira dari semua sudut yang ada kepentingan negara ini iaitu kawalan, keselamatan, perekonomian dan pembangunan. Malahan dari perspektif membincangkan isu kependudukan negara, kajian komprehensif hendaklah mengambil kira dari sudut perubahan kesuburan bangsa-bangsa, perubahan migrasi, momentum penduduk penduduk belia, pekerja asing dan lain-lain lagi. Pada kesimpulannya, keperihatinan terhadap mempertahankan raja, bangsa dan ugama telah dijadikan asas di dalam merangka dasar berkenaan termasuklah aspek-aspek yang dinyatakan di atas.

Persoalan yang selanjutnya, apakah sudah terdapatnya jenis jaminan pas Imigresen yang bersesuaian yang mana diberikan tempuh lama untuk dikeluarkan kepada golongan warganegara asing yang telah lama bermastautin di Negara ini, dan terdiri dari mereka yang telah menyumbangkan kepada ekonomi dan pembangunan Negara yang berbentuk pelaburan, perniagaan, kepakaran dan kemahiran masing-masing. Dalam masa yang sama, adakah sekiranya dasar pemberian status penduduk tetap kepada golongan yang dimaksudkan dapat menyelesaikan isu dasar kependudukan negara ini dan menepati isu-isu yang telah disampaikan sebelum ini. Sepertimana yang dimaklumi, pemberian penduduk tetap di Negara ini yang berjalan pada masa ini adalah berasaskan kepada kategori-kategori yang ada ikatan

kekeluargaan sahaja dan bukannya penyumbang ekonomi, professional dan pakar-pakar. Sila lihat **Lampiran A** bagi senarai kategori-kategori penduduk tetap yang berjalan masa ini.

Berasaskan kepada penjelasan di atas maka pendekatan kertas kerja ini akan memfokuskan kajian mengenai bentuk-bentuk **kemudahan yang lazim dinikmati** bagi seorang penduduk tetap (pemegang Entry Permit). Dalam hubungan ini, kertas kerja ini akan membuat perbandingan dengan negara jiran tentang jenis kemudahan yang lazim diberikan kepada status penduduk tetap negara masing-masing. Dengan adanya kajian ini, ianya diharap menjadi asas pengetahuan tentang kehendak individu yang berkeinginan menjadi Penduduk Tetap. Kertas kerja ini juga turut mengkaji lebih lanjut tentang kesesuaian memperkenalkan pas Imigresen bagi tempuh yang lama dengan mempunyai '*characteristic*' sama atau lebih kurang seperti pemegang entry permit di dalam konteks Negara ini.

Kertas kerja ini akan dimulai dengan mengkaji tentang kemudahan yang lazim dinikmati oleh individu yang memegang status penduduk tetap. Maka bersesuaianlah supaya kajian ini mengambil kira dengan membuat perbandingan dengan negara jiran iaitu Singapura dan Malaysia. Seterusnya kertas kerja ini akan melihat tentang profil-profil individu yang pernah menghadapkan permohonan penduduk tetap akan tetapi telah ditolak kerana tidak termasuk mana-mana kategori bagi mendapatkan penduduk tetap pada masa ini. Tujuannya adalah untuk membuat analisa untuk dijadikan "*case study*" di dalam kajian ini.

2. Perbandingan kemudahan yang dinikmati oleh Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Singapura dan Malaysia

Negara Brunei Darussalam	Singapura	Malaysia
<ul style="list-style-type: none">▪ Mereka berkelayakan memohon taraf kerakayatan setelah memenuhi syarat-syarat tertentu▪ Tidak memerlukan penyambungan pas Imigresen▪ Dibolehkan bekerja di mana-mana sahaja tanpa mendapat kebenaran▪ Boleh menjadi rakan kongsi mahupun memiliki sebuah syarikat perniagaan di negara ini▪ Menerima pencen \$250 setelah tinggal bermastautin di negara ini lebih 30 tahun▪ Dari segi persekolahan, mereka ini dikecualikan	<ul style="list-style-type: none">▪ Pemegang penduduk tetap dikehendaki menyertai skim Central Provident Fund (CPF). Majikan akan dikehendaki menyumbang kepada skim pension secara bulanan▪ Tidak memerlukan mendapatkan visa bekerja semasa bertukar majikan▪ Mereka hendaklah menjalani perkhidmatan negara (military service) bilamana mencapai 18 tahun.▪ Pemberian status penduduk tetap juga dihulurkan kepada	<ul style="list-style-type: none">▪ Membolehkan tinggal di Malaysia selamanya▪ Dibolehkan bekerja dan menjalankan perniagaan di mana-mana sahaja tanpa mendapat kebenaran▪ Dibolehkan memiliki hartaanah di Malaysia▪ Dikecualikan dari mendapatkan visa dan keperluan imigresen

<p>daripada bayaran yuran dan peperiksaan sehingga Tingkatan 5</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Dari segi rawatan perubatan dan kesihatan, mereka ini menerima rawatan dan perubatan percuma di hospital kerajaan, Walaubagaimana pun rawatan di JPMC, Gleneagles dan kos perbelanjaan luar negeri adalah ditanggung sendiri ▪ Mereka boleh memiliki unit-unit strata dengan memiliki tidak lebih 55 tahun (Akta Kanun Tanah STRATA - 1 Julai 2009) 	<p>isteri dan anak yang tidak melebihi 21 tahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pendaftaran kemasukan persekolahan diberi keutamaan ▪ Mereka boleh membeli perumahan ('property') termasuk second hand HDB flat kerajaan. ▪ Diberi subsidy kepada sebahagian perkhidmatan kesihatan ▪ Boleh memohon kerakyatan Singapura sekurang-kurangnya 2 tahun memegang status penduduk tetap Singapura 	
---	--	--

Dari analisa lanjut tentang penjelasan tentang kemudahan penduduk tetap yang disampaikan di atas, dapatlah disimpulkan disini bahawa kemudahan-kemudahan berikut telah menjadi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang dimaksudkan:

- **Peringkat awal bagi warganegara asing di dalam mendapatkan kerakyatan**
- **Boleh memiliki tanah atau pun perumahan yang ditetapkan oleh kerajaan sahaja**
- **Boleh membuka perniagaan selaku Pengurus/ Director**
- **Dbolehkan bekerja di mana sahaja tanpa mendapatkan kebenaran pihak Buruh dan Imigresen**
- **Boleh membawa isteri dan tanggungan mengikut tempuh yang tinggal pemohon**
- **Pengecualian mahupun pengurangan bayaran yuran bagi persekolahan dan kesihatan**

3. Profil-profil Warganegara Asing yang telah bermastautin di Negara ini dan tidak termasuk mana-mana Kategori pertimbangan Penduduk Tetap

Bersama ini disertakan profil warganegara asing yang pernah menghadapkan permohonan ke Jabatan bagi mendapatkan status penduduk tetap akan tetapi telah dijawab DUKACITA kerana tidak tergolong di dalam garispandu yang berjalan pada masa ini.

BIL	KES	KETERANGAN KES
-----	-----	----------------

1	Nama: LAM SI KONG Tarikh Lahir : 10 September 1958 Warganegara : Malaysia Ruj: I MM/EP/113/2007 Jawatan: Peguam	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai kelulusan professional dan kepakaran dalam bidang yang berkaitan dengan guaman ▪ Mempunyai syarikat guaman sendiri iaitu Joseph Hoo Morris & LaL ▪ Sebelum mempunyai syarikat guaman sendiri , penama adalah rakan kongsi di Syarikat Bikram and Company dan berkerja peguam. ▪ Mula menetap dan tinggal NBD sekitar tahun 1989 dan seterusnya berkerja. ▪ Pemohon juga begitu aktif dalam memberi sumbangan-sumbangan yang berbentuk nasihat undang-undang dan sumbangan berbentuk kewangan kepada pihak pihak yang memerlukan ▪ Juga aktif dengan badan-badan kebajikan kerajaan .
2	Nama: CHOONG DOMINIC Tarikh Lahir : 18 MEI 1940 Warganegara : SINGAPORE Ruj: EP/BSB/617/80 Jawatan: Pengurus Syarikat Nama Isteri: BETTY CHUNG (Meninggal Dunia) Jumlah anak: 2 Orang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mula menetap dan tinggal NBD sekitar tahun 1967 dan seterusnya berkerja. ▪ Beliau adalah merupakan Pengurus Syarikat Domonic Choong & Sons. ▪ Pernah ditugaskan di lembaga kemajuan Ekonomi selaku Pegawai Projek Kanan dan seterusnya selaku Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi pada tahun 1980 dan telah memberi sumbangan peribadi dalam menyediakan Perlembagaan Persatuan Insurance. ▪ Pemohon begitu aktif dalam memberi perkhidmatan kebajikan secara sukarela.
3	Nama: CHIA SIT CHUNG Tarikh Lahir : 19 Julai 1973 Warganegara : Malaysia Ruj: I MM/EP/817/2006 Jawatan: Sales manager Nama Isteri: Herwani (Indonesia) Jumlah anak: 3 Orang	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mula menetap dan tinggal NBD sekitar tahun 1992 dan seterusnya berkerja dengan Syarikat Sin Kew Hin Department Store. ▪ Sekarang berkerja di sebuah Syarikat Mangkuk Emas Trading sebagai Sales manager. ▪ Dari rekod yang ada, syarikat Mangkuk Emas Trading bukan dimiliki oleh penama sepertimana yang tercatat dalam Sijil pendaftaran Perniagaan (Boorang 17).
4	Nama : DR. MATTHEW TAN BENG JIN Tarikh Lahir : 21.09.1954 (KEDAH) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/759/2002	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara berkahwin dengan seorang isteri warganegara Malaysia dan dikurniakan 02 orang anak yang mana kesemuanya adalah warganegara Malaysia ▪ Perkara mempunyai sebuah syarikat perniagaan iaitu sebuah klinik (Lee Clinic) bersama dengan 2 orang rakan kongsi iaitu 01 warganegara Brunei dan 01 warganegara India ▪ Perkara membeli sebuah rumah yang bernilai \$570.000.00 dengan menggunakan nama Dr. CHUNG SHII MENG (bekas rakan kongsi) ▪ Pemohon juga mempunyai sebuah Syarikat atas nama QASYA DIAGNOSTIC yang mengusahakan Perkhidmatan Makmal Perubatan yang terletak di Airport Mall ▪ Akaun simpanan "Lee Clinic" kira-kira bernali \$300.000.00 dan akaun simpanan "QASYA DIAGNOSTIC" kira-kira bernali \$150,000.00 ▪ Perkara telah menghadapkan permohonan sebanyak 02 kali dan kesemuanya diberikan jawapan dukacita kerana kerana tidak memenuhi syarat yang berkuatkuasa pada masa ini.
5	Nama : CHIA SIT CHUNG Tarikh Lahir : 19.07.1973 (KONAWIT, SARAWAK) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/817/2006	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara telah tinggal dan menetap di NBD sejak 1992 (20 tahun). Beliau tinggal di Negara ini menggunakan jaminan Pas kerja. ▪ Perkara memiliki perniagaan sendiri sejak 2007 tetapi nama perkara tidak tercatat dalam Sijil Perniagaan 16 & 17. ▪ Perkara ada membeli rumah sendiri dan juga mempunyai rumah sewa.
6	Nama : LIM BENG LEE @ LIM ABENG Tarikh Lahir : 23.05.1947 (SARAWAK) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/824/2002	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara telah berkahwin dengan seorang isteri warganegara Malaysia dan dikurniakan dua orang anak yang mana kesemuanya adalah warganegara Malaysia. ▪ Perkara mempunyai hanya mempunyai sebuah syarikat perniagaan iaitu, Klinik Pergigian (Lim Dental and Clinic). Beliau tidak mempunyai asset yang lain di Negara ini selain klinik berkenaan. ▪ Syarikat berkenaan tidak mempunyai pekerja tempatan cuma beliau dan isteri sahaja yang menjalankan perniagaan. ▪ Perkara telah tinggal dan menetap di NBD sejak 1978 (34 tahun). Beliau dan keluarga tinggal masa ini tinggal di rumah sewa yang berharga \$2,000 sebulan. ▪ Perkara telah beberapa kali menghadapkan permohonan ke Jabatan ini, seperti permohonan beliau masing-masing bertarikh 15 Mei 2002, 07 Julai 2003, 05 Julai 2004, 06 Disember 2005, 09 April 2009, 31 Ogos 2009 dan 03 Januari 2013 di bawah Kategori Professional. Ke semua permohonan tersebut telah diberikan jawapan dukacita oleh Jabatan ini kerana tidak memenuhi syarat yang berkuatkuasa pada masa ini.
7	Nama : LAU LEI TING	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara mula tiba di Negara ini ada 02.06.1996 bertujuan untuk bekerja.

	Tarikh Lahir : 12.12.1949 (SIBU) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/1195/1997	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai sebuah syarikat New Modern Dressmaking Salon Sdn. Bhd atas nama beliau. Beliau mempunyai 03 orang rakan kongsi bagi syarikat berkenaan yang mana 02 orang daripadanya adalah warganegara Brunei Darussalam dan salah seorang adalah suami beliau (meninggal dunia). ▪ Perkara telah membeli dua unit kedai di Kampung Kiulap dan Kampung Delia Satu. Nilai keseluruhan asset yang dimiliki oleh beliau adalah sebanyak 1.6 juta. ▪ Perkara juga aktif memberikan sumbangan berbentuk kewangan pada misalnya sumbangan menjahit pakaian bagi penuntut-penuntut Pusat Ehsan secara percuma dan pakaian kepada orang-orang kurang upaya dan kurang mampu. ▪ Perkara telah menghadapkan permohonan sebanyak 8 kali sebelum ini dan kesemua permohonan beliau telah diberikan jawapan dukacita kerana tidak tergolong di dalam mana-mana kategori yang berkelayakan untuk mendapatkan taraf Penduduk Tetap mengikut garispandu dan syarat yang ditetapkan pada masa ini.
8	Nama : AWANG TAN AH PIEW Tarikh Lahir : 08.10.1948 (CHINA) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/1060/95	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara mula tiba di Negara ini pada tahun 1971 bagi tujuan mencari pekerjaan. ▪ Pada masa ini beliau tinggal dan menetap di Negara ini di bawah jaminan Pas Kerja sebagai Pengurus di bawah Syarikat Auto Parts & Accessories. ▪ Perkara telah berkahwin dengan seorang Warganegara Malaysia dan mereka dikurniakan dua (2) orang anak yang mana kesemuanya adalah warganegara Malaysia. ▪ Perkara telah beberapa kali menghadapkan permohonan ke Jabatan ini, seperti permohonan beliau masing-masing bertarikh 18 Oktober 1994, 28 Februari 1996, 01 Ogos 1996, 17 Februari 1997, 14 Februari 1998, 08 Oktober 1998, 28 Januari 1999, 07 Ogos 1999, 18 Mac 2000, 17 November 2000, 23 Mei 2001, 24 Januari 2002, 28 Disember 2002, 24 Mei 2003, 16 Mac 2005, 28 September 2005, 06 Oktober 2005, 20 Disember 2005, 22 Februari 2006, 05 Jun, 2006, 26 Jun 2007, 26 Jun 2008 dan 25 Jun 2009, di bawah kategori Penyumbang kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara. Kesemua permohonan telah diberikan jawapan dukacita oleh Jabatan ini
9	Nama : DR TAN AH KOW (L) Tarikh Lahir : 16.12.1951 (JOHORE) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/76/2008	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai kelulusan Degrees in Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery dari University of Singapore pada tahun 1977. ▪ Mempunyai 2 buah klinik kesihatan (LUKE TAN CLINIC) yang mana sebuah bertempat di cawangan Kuala Belait dan sebuah di Seria serta mempunyai seramai 03 orang pekerja tempatan ▪ Mempunyai nilai asset sebanyak \$1,369,049.82 ▪ Sokongan dibuat dan dinilai berdasarkan sumbangan professional dari segi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai. ▪ Tinggal dan menetap di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1980.
10	Nama : LIM TECK GUAN Tarikh Lahir : 19.11.1957 (MIRI SARAWAK) Warganegara : MALAYSIA Ruj: IMM/EP/1309/2002	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai kelulusan professional yang berkaitan dengan bidang akauntan dan audit. ▪ Mempunyai sebuah Syarikat Audit ERNST AND YOUNG ▪ Mempunyai nilai asset sebanyak \$1,473,423.00 ▪ Tinggal dan menetap di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1967.
11	Nama : VALLIA THARAYIL ANNIE PHILIPPOSE (P) Tarikh Lahir : 06.12.1965 (BRUNEI DARUSSALAM) Warganegara : INDIA Ruj: IMM/EP/494/2006	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mempunyai kelulusan professional yang berkaitan dengan bidang Pendidikan (Guru) ▪ Tidak mempunyai syarikat serta tidak mempunyai nilai dan pelaburan. ▪ Disokong untuk mendapatkan taraf Penduduk Tetap di bawah kategori Professional kerana telah menyumbangkan khidmat pengajaran (sebagai guru Chemistry) selama 18 tahun), ▪ Tinggal dan menetap di Negara Brunei Darussalam sejak lahir
12	Nama : HAJI IDRIS MARICAN S/O KANNY VARISA MARICAN Tarikh Lahir : 6 Ogos 1947 (INDONESIA) Warganegara : INDONESIA Ruj: IMM/EP/521/2007	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara mula tiba di Negara ini pada tahun 1988 dan bekerja sebagai Guru Teknikal di Maktab Sultan Saiful Rizal sehingga tahun 1991. ▪ Perkara kemudian bekerja sebagai Pegawai Pelajaran Kanan Teknikal di Kementerian Pertahanan selama 16 tahun (1992-2007) dan seterusnya berkhidmat sebagai Training Officer di Syarikat Leaps Educational Services dari tahun 2008 hingga 2010. Pada masa ini beliau telah bersara. ▪ Perkara telah berkahwin dengan seorang isteri warganegara Singapura dan dikurniakan tiga orang anak yang mana kesemuanya adalah warganegara Singapura. ▪ Perkara telah beberapa kali menghadapkan permohonan ke Jabatan ini, seperti permohonan beliau masing-masing bertarikh 28 Julai 2007 dan 27 Februari 2012. Kesemua permohonan telah diberikan jawapan dukacita oleh Jabatan ini kerana tidak memenuhi syarat yang berkuatkuasa pada masa ini

13	Nama : PROFESOR MADYA DR HAJI B.A. HUSSAINMIYA. Tarikh Lahir : 11.12.1946 (SRI LANKA) Warganegara : SRI LANKA Ruj: : IMM/EP/75/2013	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara mula tiba di Negara ini pada tahun 1988. Beliau tinggal di Negara ini bersama seorang isteri warganegara Sri Lanka. ▪ Perkara berkhidmat sebagai Associate Professor di Universiti Brunei Darussalam.
14	Nama : LI HUI Tarikh Lahir : 17.3.1973 (CHINA). Warganegara : CHINA Ruj: : IMM/EP/132/2012	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara adalah Jurulatih Wushu, Kementerian Kebajikan Belia dan Sukan ▪ Perkara menghadapkan permohonan buat kali pertama pada 26/01/2012 melalui Pengarah Belia dan Sukan seperti MEMORANDUM rujukan JBS/A DM/01/2011 bertarikh 12/3/2012. Walaubagaimanapun permohonan tersebut diberi jawapan "dukacita" pada 02/04/2012 kerana tidak tergolong didalam kategori bagi orang yang berkelayakan untuk mendapatkan Taraf Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam
15	Nama : ASOKAN NAGARAJAH Tarikh Lahir : 18.10.1961 (SRI LANKA) Warganegara : SRI LANKA Ruj: : IMM/EP/844/2003	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perkara adalah Timbalan Pengetua di Sekolah St. James, Kuala Belait. ▪ Pemohon menghadapkan permohonan kehadapan KYDMM pada 20/07/2002. Permohonan perkara diproses dan temuduga dijalankan. Hasil siasatan permohonan perkara diberikan jawapan 'dukacita' bertarikh 18/05/2004 kerana tidak termasuk didalam kategori yang berkelayakan pada ketika itu ▪ Permohonan kedua dihadapkan pada 24/05/2008. Permohonan diproses dan temuduga dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatan Kuasa Penilai Kategori Penyumbang kepada Perekonomian dan Pembangunan Negara dan Golongan Profesional pada 15/08/2009. Didalam temuduga tersebut. AJK Penilai tidak menyokong permohonan beliau berdasarkan kepada "Professional belum berapa menyerlah dan pemohon tidak fasih dalam Bahasa Melayu". Permohonan kedua beliau diberikan jawapan "dukacita" bertarikh 04/11/2009. ▪ Permohonan ketiga dihadapkan pada 05/06/2010. Permohonan ini diproses seperti lazimnya dan jawapan 'dukacita belum dapat dipertimbangkan' diberikan seperti persuratan Jabatan bertarikh 04/11/2010 kerana dasar tersebut tidak lagi diteruskan termasuk ke atas permohonan-permohonan yang telah diproses dan disokong sebelum 29/06/2010.

Berdasarkan kepada penganalisaan yang dibuat pada "case study" yang dikemukakan di atas, bersama ini disertakan fakta-fakta yang terkumpul yang boleh diketengahkan untuk kajian dan rujukan seperti berikut:

- mereka ini adalah kerakyatan negara asing dan juga pemegang pasport asing
- berhasrat untuk terus tinggal di negara ini kerana mempunyai kepentingan dari segi perniagaan dan keselamatan mahupun kekeluargaan
- telah menetap di negara ini dalam tempuh yang agak lama (melebihi 10 tahun)
- ada kaitan dengan sebab persekolahan anak-anak di negara ini
- sedang/ pernah memegang jawatan penting di Syarikat swasta negara ini
- mempunyai asset yang besar di negara ini seperti rumah dan tanah
- adalah pemegang saham atau pengarah kepada syarikat di dalam negara ini
- mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang masing-masing
- sebahagian mereka telah mencapai had umur yang dibenarkan/ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk bekerja di negara ini

- mereka masih ingin menyumbangkan kepada ekonomi dan kesejateraan negara ini

Kalau dinilai aspek keimigresenan, mereka ini boleh sahaja mendapatkan pas lawatan yang lama dengan syarat yang munasabah dan hendaklah mempunyai penjamin tempatan. Walaubagaimana pun pemberian pas lawatan bukanlah yang dihajati oleh kategori yang dimaksudkan, kerana pas lawatan mempunyai had-had yang tertentu sepetimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Imigresen. Pemegang pas lawatan tidaklah membenarkan seseorang untuk bekerja dan juga alasan untuk membawa bersama tanggungan.

Bagi pemegang pas kerja pula, pemberian pas berkenaan masih juga tertakhluk kepada syarat dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Buruh dan Imigresen. Ini termasuklah mereka ini hendaklah mempunyai kontrek Buruh, Bur500, had umur tertentu dan lain-lain lagi. Disamping itu juga, pemberian pas kerja hendaklah mengikut jawatan dan syarikat tempat bekerja. Dari aspek lain pula ada sebahagian mereka ini telah menjadi pengarah, pemegang saham atau ‘shareholders’ kepada beberapa syarikat di negara ini.

Berdasarkan kepada penjelasan dia atas, maka secara **tidak langsung kategori yang dimaksudkan tidak ada pilihan lain selain dari mendapatkan permohonan status penduduk negara ini**. Namun demikian dasar pemberian penduduk tetap ada mempunyai kepentingannya yang tersendiri sepetimana yang dijelaskan di atas.

Bahagian seterusnya memberi penjelasan lanjut dari aspek teknikal dan peruntukan undang-undang di dalam mendefinasikan permit dan pas Imigresen. Maklumat ini adalah penting bagi mengetahui jenis-jenis mekanisma kuasa kawalan yang telah diperuntukan kepada Pengawal Imigresen di dalam memberi kebenaran kepada warganegara asing untuk berada di negara ini samaada berbentuk permit mahupun pas Imigresen.

4. Pengertian dan kefahaman Permit dan Pas Imigresen

Pengeluaran Pas-pas Imigresen di dalam konteks Akta Imigresen Penggal 17 adalah seperti berikut:

“Pass” means any Pass issued under the provisions of any regulations made under this Act entitling the holder thereof to enter and remain temporarily in Brunei Darussalam

Di dalam Peraturan-peraturan Imigresen di bawah Akta Imigresen ada terdapat tujuh jenis visa/ pas Imigresen yang dikeluarkan oleh Pengawal Imigresen kepada warganegara asing mengikut tujuan keberadaan di negara ini iaitu:

- Visa/ Pas Lawatan (Social, Profesional, Business)

- Visa/ Pas Kerja
- Visa/ Pas Tanggungan
- Visa/ Pas Pelajar
- Visa/ Pas Singgah
- Visa/ Pas Turun
- Vlsa/ Pas Khas

Manakala pengertian **permit** yang terdapat pada Permit Masuk (“*Entry Permit*”) adalah merupakan satu bentuk endorsement permit yang dikeluarkan oleh Pengawal Imigresen ke dalam pasport asing sepetimana yang diperuntukan dibawah Seksyen 10 Akta Imigresen. Permit ini adalah bagi membenarkan mereka **masuk dan berada tanpa had masa** di Brunei Darussalam dan bukannya diatas endorsement mana-mana Pas Imigresen.

Definasi formal Permit Masuk dan Permit di dalam Akta Imigresen adalah seperti berikut:

“Entry Permit” means a Permit to enter and includes a Permit to remain in Brunei Darussalam issued under the provisions of Section 10.

“Permit” includes an Entry Permit and Re-entry Permit

Jika dianalisa lebih lanjut antara ‘permit’ dan ‘pas’, pada zahirnya kedua-dua adalah merupakan bentuk kebenaran untuk seseorang berada di negara yang dikeluarkan oleh pihak Pengawal Imigresen. Namun demikian, pengertian pas lebih luas kerana ia lebih fokus status Imigresen dan tujuan seseorang (warganegara asing) semasa berada di negara ini serta mengikut tempuh yang tertentu. Pada misalnya, warganegara asing yang bertujuan masuk ke negara ini untuk bekerja hanyalah dikeluarkan pas kerja mengikut kontrek Buruh yang dipersetujui, manakala bagi warganegara asing yang ingin melawat ke negara ini mereka akan dikeluarkan pas lawatan dan peruntukan undang-undang tidak membolehkan mereka bekerja.

Pada kesimpulannya, peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak pernah wujud jenis pas-pas Imigresen yang dapat menyamai atau menandingi dari segi '*characteristic*' mahupun ciri kemudahan yang sama atau lebih kurang seperti yang terdapat pada pemegang entry permit di Negara ini. Dalam hubungan ini, kertas kerja seterusnya akan menerangkan sejenis pas Imigresen yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia yang mempunyai '*characteristic*' mahupun ciri kemudahan yang sama atau lebih kurang seperti pemegang entry permit yang mereka gelarkan sebagai Pas Residen.

5. Pemberian Residence Pass di Malaysia

Menurut pihak Imigresen Malaysia, sebelum ini prosedur bagi mendapatkan permit mahupun pas bagi kategori pelabur dan ahli-ahli

perniagaan untuk tinggal dan bekerja di Malaysia perlu melalui proses perundangan dan mengambil masa yang lama sedangkan permohonan kian bertambah dari masa kesemasa. Dasar keterbukaan kerajaan memerlukan perubahan, maka dengan demikian, suatu pembaharuan wajar dilakukan dengan mewujudkan suatu Pas jenis baru sebagai alternatif untuk mengatasi permasalahan ini. Dengan yang demikian, pada 1 April 2011, kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan suatu Pas baru yang dinamakan Pas Residen dibawah Peraturan 16A Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan telah diwartakan pada tarikh yang sama.

Antara kelayakan bagi mendapatkan Pas Residen adalah seperti berikut:

- Mempunyai pas kerja yang sah dan dapat membuktikan bekerja di Malaysia dalam tempuh 3 tahun secara berterusan
- Mempunyai kelulusan tertinggi dari pengajian yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia
- Boleh membuktikan 5 tahun pengalaman bekerja
- Boleh membuktikan menerima gaji tahunan sejumlah RM144,000 (kira-kira US\$47,550)
- Penjamin tempatan seorang warganegara Malaysia tidak kurang dari umur 21 tahun

Bagi maksud sokongan warganegara asing bagi mendapatkan kemudahan Pas Residen pihak kerajaan Malaysia telah melantik sebuah syarikat yang menilai kemampuan dan keupayaan individu secara keseluruhan terutama dari sudut pelaburan dan aset iaitu Syarikat **TALENTCORP**. Syarikat ini juga bertanggungjawab menguruskan dan 'focal point' hal ehwal pelabur dan 'entrepreneur' [FDI] yang terdiri warganegara asing di Malaysia. Sokongan dari syarikat berkenaan akan dihadapkan ke Jabatan Imigresen Malaysia untuk dipertimbangkan pengeluaran Pas Residence.

Peruntukan undang-undang Imigresen Malaysia berhubung pemberian Pas residence pada **Lampiran B**.

Bagi Singapura, negara berkenaan lebih mirip memberikan kemudahan Permit Masuk dan seterusnya menjadi Penduduk Tetap negara berkenaan kepada kategori yang menyumbangkan kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan Negara dan juga golongan professional.

6. Cadangan Pas Imigresen "*Long-Term*" bagi Negara ini

Dalam membuat cadangan pas "*Long-Term*", sukacita menarik perhatian antara rumusan yang disampaikan di dalam '*Kertas Kerja Cadangan bagi Perubahan Garispandu untuk mempertimbangkan permohonan*

Taraf Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan Isu-isu berkaitan dengannya' seperti berikut:

"kertas kerja ini telah banyak memberikan gambaran yang jelas tentang berbagai-bagai aspek di dalam merangkakan garispandu mempertimbangkan permohonan penduduk tetap. Malahan kertas kerja ini juga ada dikaitkan dasar-dasar lain pada misalnya isu kependudukan dan imigresen. Pernah juga ditimbulkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas tentang dasar pemberian status penduduk tetap yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam selama ini yang terlalu 'generous' jika dibandingkan kepada Negara lain terutama bagi kategori-kategori yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Berasaskan kepada penjelasan di atas dan mengambil kira isu-isu kependudukan, maka timbul pula tentang cadangan untuk kategori-kategori yang tertentu supaya mereka ini diperlambatkan malahan dikawal pemberian status penduduk tetap dan memadai dikeluarkan pas-pas Imigresen dalam tempuh yang lama dengan dibenarkan untuk bekerja. Ini bermakna mereka akan diberikan keutamaan untuk tinggal lebih lama dan seterusnya menikmati kemudahan bekerja dan bermiaga di Negara ini tanpa menghiraukan peruntukan yang digariskan oleh syarat dan prosedur Jabatan Buruh, dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang berjalan masa ini"

Bagi membolehkan Jabatan menyediakan cadangan bagi mengadakan Pas Imigresen "Long Term" (*digelar sebagai Pas Kediaman*) ada baik perkara-perkara berikut diambil kira:

- i. Tujuan Pemberian Pas Kediaman (*rujuk Para 6.1*)
- ii. Kategori-kategori yang layak memohon (*rujuk Para 6.2*)
- iii. Jenis-jenis Kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Pas Kediaman (*rujuk Para 6.3*)
- iv. Mechanisma Pernilaian Pemberian Pas Kediaman (*rujuk Para 6.4*)

6.1 Tujuan Pemberian Pas Kediaman

Berasaskan kepada penjelasan yang disampaikan sebelum ini, adalah didapati dua perkara dasar yang telah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan yang dikaitkan dengan pemberian status Penduduk Tetap iaitu pertama, isu kependudukan; keduanya: menarik golongan professional, ahli-ahli perniagaan dan pelabur yang dijangka dapat menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi Negara. Dalam masa yang sama, ada terdapat pandangan supaya *cadangan untuk kategori-kategori yang tertentu supaya mereka ini diperlambatkan malahan dikawal pemberian status penduduk tetap dan memadai dikeluarkan pas-pas Imigresen dalam tempuh yang lama dengan dibenarkan untuk bekerja.*

Dalam hubungan ini, sukacita dicadangkan supaya suatu jenis pas Imigresen baru diperkenalkan yang mana ianya diberi kuasa oleh Pengawal Imigresen bagi membolehkan kategori warganegara asing yang telah lama menetap dan tinggal di negara ini dikeluarkan satu kebenaran pas untuk tinggal tempuh 5 tahun secara berterusan yang digelar **PAS KEDIAMAN**. Ini bermakna pemegang pas kediaman diberikan keutamaan untuk tinggal lebih lama dan seterusnya menikmati kemudahan bekerja dan berniaga mahupun belajar di Negara ini tanpa menghiraukan peruntukan yang digariskan oleh syarat dan prosedur Jabatan Buruh, dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang berjalan masa ini. Walaubagaimana pun fakta ini masih lagi perlu dikemaskinikan memandangkan ianya melibatkan isu dasar dan perbincangan lanjut dengan agensi-agensi yang berkaitan.

6.2 Kategori-kategori yang layak memohon

Sekiranya sebarang Pas Kediaman ini akan diperkenalkan di negara ianya hendaklah mengambil kira juga permohonan-permohonan bagi kategori kekeluargaan yang difikirkan tidak sesuai mendapatkan taraf penduduk tetap negara ini selain dari kategori yang menyumbangkan kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan Negara dan juga golongan professional. Dalam hubungan ini adalah dicadangkan supaya bagi **Kategori-kategori yang mempunyai ikatan Kekeluargaan** dimasukkan ke dalam **Tier 1 manakala Kategori-kategori Profesional, Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan** dimasukkan ke dalam Tier 2. Tujuannya adalah bagi membolehkan pihak tertentu membuat perbandingan dan pernilaian tentang kedua-dua kategori yang dimaksudkan bagi kelayakan memohon Pas Kediaman ini.

i. Tier 1 [*Tingkat 1*] - Kategori-kategori yang mempunyai ikatan Kekeluargaan

	Kategori-kategori yang dicadangkan bagi pemberian Pas Kediaman
1	Anak Tiri kepada Bapa Warganegara Brunei yang berumur lebih 16 tahun
2	Anak Tiri kepada Bapa Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 16 tahun
3	Anak kepada bapa Penduduk Tetap [Warganegara Asing] yang telah mencapai 18 tahun
4	IBU BAPA BERCERAI / BAPA MENINGGAL) - Anak kepada ibu Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Stateless/ Warganegara Asing) dan pernah berayahkan warganegara asing yang telah mencapai 18 tahun
5	Anak kepada ibu Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Stateless) dan masih berayahkan warganegara asing
6	Suami warganegara asing kepada isteri warganegara Brunei Darussalam - Tinggal Menetap dan menjadi suami isteri di negara ini selama 5 tahun

7	Suami warganegara asing kepada isteri Penduduk Tetap Brunei Darussalam (Stateless) - Tinggal Menetap dan menjadi suami isteri di negara ini selama 10 tahun
---	---

ii. Tier 2 [*Tingkat 2*] - Kategori-kategori Profesional, Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan

Antara syarat-syarat dan kelayakan yang dicadangkan bagi *Tier* ini adalah seperti berikut:

- Lahir dalam negara ini - 10 tahun ; Lahir luar negara - 15 tahun
- Telah mempunyai pas kerja yang sah dan dapat membuktikan bekerja di Negara Brunei Darussalam dalam tempuh 3 tahun secara berterusan
- Boleh membuktikan 5 tahun pengalaman bekerja
- Boleh membuktikan menerima gaji tahunan sejumlah \$60,000 (kira-kira \$5,000 sebulan)
- **Bagi Kategori Profesional dan Pakar-pakar :**
 - Membuktikan sumbangan dari mana-mana bidang professional yang berkualiti dan dapat menyumbangkan kepada negara
 - Mempunyai kelulusan tertinggi dari pengajian yang diiktiraf oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam
 - Membuktikan sumbangan untuk pembangunan serta memberikan faedah dari segi kebajikan dan kesejahteraan khususnya kepada kepentingan masyarakat
 - Golongan professional ini haruslah diiktiraf dan dikehendaki oleh Kerajaan
 - Sumbangan/penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kenegaraan dan kebajikan
- **Bagi Kategori Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan:**
 - Membuktikan sumbangan dari segi pelaburan kewangan dan perekonomian atau pembangunan negara
 - Latarbelakang perniagaan serta sijil pendaftaran perniagaan pemohon yang diiktiraf
 - Senarai pekerja tempatan dan asing
 - Senarai aset permohon dalam bentuk tanah, bangunan dan kewangan di dalam bank terutama sekali di labur di dalam negeri
 - Melabur atau memiliki aset di negara ini
 - Laporan Auditor terkini bagi syarikat adalah satu kelebihan
 - Dinilaikan tidak membebankan Kerajaan dan Negara
 - Bersih dari tapisan keselamatan dan rekod jenayah

6.3 Jenis-jenis Kemudahan dan keistemewaan yang diberikan kepada Pas Kediaman

Berhubung dengan pemberian kemudahan kepada pemegang Pas Kediaman, kertas kerja ini telah mengambil kira tentang fakta-fakta dan kesimpulan-kesimpulan yang telah disampaikan berikut dari analisa yang telah dijalankan terhadap golongan penduduk tetap, kategori yang tidak berkelayakan memohon penduduk tetap dan pemegang Pas Residen Malaysia. Oleh yang demikian, jenis-jenis kemudahan dan keistemewaan yang dicadangkan kepada pemegang Pas Kediaman adalah seperti berikut:

Tier 1 [Tingkat 1] - Kategori-kategori yang mempunyai ikatan Kekeluargaan

- Mereka ini diberi tempuh tinggal dan menetap di negara ini 5 tahun secara berterusan. Sebarang penyambungan setelah tamat tempuh 5 tahun hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini
- Boleh mendapatkan Multiple Entry Visa secara berterusan sehingga 5 tahun. Tujuannya adalah bagi kemudahan keluar masuk negara ini dalam tempuh berkenaan tanpa membaharui setiap tahun
- Mereka ini boleh membawa bersama isteri/ suami dan anak-anak mengikut tempuh tinggal yang dibenarkan. Walaubagaimana pun isteri/ suami dan anak-anak masih lagi terikat dengan peruntukan yang dikuatkuasakan oleh pihak Buruh dan Imigresen
- Dibolehkan menjalankan perniagaan dan juga bekerja di negara ini tanpa menghiraukan jawatan dan syarikat yang diambil bekerja. Walaubagaimanapun ianya masih tertakhluk kepada dasar kerajaan untuk mengecualikan golongan ini dari peruntukan yang dikuatkuasakan oleh pihak Buruh dan Imigresen termasuk had umur bekerja, keperluan kontrek, insuran, dll
- Pemilikan tanah atau pun perumahan masih tertakhluk kepada dasar kerajaan untuk mengecualikan mereka ini dari peruntukan yang dikuatkuasakan oleh pihak Tanah dan Kemajuan Perumahan
- Kemudahan lain seperti persekolahan dan kesihatan masih tertakhluk kepada kehendak pemegang pas Imigresen yang berjalan pada masa ini
- Dibolehkan menghadapkan permohonan Penduduk Tetap setelah tamat tempuh 5 tahun memegang Pas Kediaman berdasarkan kategori-kategori yang berkelayakan dan digariskan sahaja.

Tier 2 [Tingkat 2] - Kategori-kategori Profesional, Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan

- Mereka ini diberi tempuh tinggal dan menetap di negara ini 5 tahun secara berterusan. Sebarang penyambungan setelah tamat tempuh 5 tahun hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini
- Boleh mendapatkan Multiple Entry Visa secara berterusan sehingga 5 tahun. Tujuannya adalah bagi kemudahan keluar masuk negara ini dalam tempuh berkenaan tanpa membaharui setiap tahun
- Mereka ini boleh membawa bersama isteri/ suami dan anak-anak mengikut tempuh tinggal yang dibenarkan. Walaubagaimana pun isteri/ suami dan anak-anak masih lagi terikat dengan peruntukan yang dikuatkuasakan oleh pihak Buruh dan Imigresen
- Mereka ini dibolehkan menjalankan perniagaan selaku Pangarah (Director), Pemegang Saham (Shareholders), Pemilik Syarikat, Pelabur di dalam mana-mana syarikat di negara
- Mereka ini dibolehkan untuk bekerja di negara atas jawatan setaraf peringkat PROFESIONAL, PENGARAH dan PAKAR-PAKAR. Walaubagaimanapun ianya masih tertakhluk kepada dasar kerajaan untuk mengecualikan mereka ini dari peruntukan yang dikuatkuasakan oleh pihak Buruh dan Imigresen.
- Pemilikan tanah atau pun perumahan masih tertakhluk kepada dasar kerajaan untuk mengecualikan mereka ini dari peruntukan yang dikuatkuasakan oleh pihak Tanah dan Kemajuan Perumahan
- Kemudahan lain seperti persekolahan dan kesihatan masih tertakhluk kepada kehendak yang berjalan pada masa ini.
- Dibolehkan menghadapkan permohonan Penduduk Tetap setelah tamat tempuh 5 tahun memegang Pas Kediaman berdasarkan kategori-kategori yang berkelayakan dan digariskan sahaja.

6.4 Mechanisma Pernilaian Pemberian Pas Kediaman

Dari pengalaman Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, adalah didapati tahap penilaian kepada permohonan mendapatkan status penduduk tetap bagi **Profesional, Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan** hendaklah dibuat secara teliti kerana impaknya sangatlah besar jika dibandingkan dengan kategori yang berkaitan dengan kekeluargaan. Pandangan ini juga mengambil kira walaupun kuasa pemberian entry permit mahupun Pas Kediaman (cadangan) diberikan kepada Pengawal Imigresen akan tetapi bidang kuasa bagi membuat pernilaian tahap kepakaran, profesionalism, perniagaan dan pelaburan hendaklah dibuat secara keterbukaan (*'transparency'*), teratur (jawatankuasa/ lembaga yang merangkumi pelbagai pihak) dan komprehensif (boleh mendatangkan faedah kepada kemajuan negara). **Pernilaian yang dibuat secara satu pihak (misalnya Jabatan Imigresen) telah mendatangkan masalah kerana mutu pertimbangan permohonan adalah ditahap yang rendah dan**

inconsisten. Oleh yang demikian, jika dibuat perbandingan dengan Negara-negara lain pertimbangan bagi permohonan penduduk tetap khususnya bagi kategori yang dimaksudkan telah melibatkan juga badan-badan ataupun autoriti yang lain.

Dalam hubungan ini, adalah dicadangkan supaya mekanisma pernilaian pemberian Pas Kediaman :

i. **Tier 1 [Tingkat 1] - Kategori-kategori yang mempunyai ikatan Kekeluargaan**

Memadai pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menimbangkan permohonan bagi *Tier* ini. Ini adalah berdasarkan bahawa permohonan ini hendaklah lengkap dan memenuhi syarat yang telah digariskan.

ii. **Tier 2 [Tingkat 2] - Kategori-kategori Profesional, Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan**

Pilihan Pertama

Satu Jawatankuasa Khas/ Lembaga yang akan dilantik untuk menilai dan menimbangkan permohonan penduduk tetap bagi kategori ini **boleh membuat sokongan bagi mendapatkan Pas Kediaman** sekiranya Jawatankuasa Khas/ Lembaga memikirkan pemohon belum layak untuk dipertimbangkan status penduduk tetap. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah lantikan yang dibuat sama seperti lantikan Jawatankuasa Menilai dan Mempertimbangkan Permohonan Penduduk Tetap.

Untuk pengetahuan, Jawatankuasa Khas/ Lembaga yang dimaksudkan akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KHEDN dan ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

- SUT JPM (Keselamatan & Penguatkuasaan)
- SUT JPM (Antarabangsa, Perancangan & Kewangan)
- SUT Kementerian Pertahanan
- SUT Kementerian Kewangan
- Pengarah Penyelidikan, JPM
- Wakil Pejabat Peguam Negara

Hasil dari penilaian Jawatankuasa Khas/ Lembaga akan dihadapkan kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi tindakan lanjut.

Pilihan Kedua

Berasaskan kepada perbandingan dengan Malaysia pertimbangan bagi permohonan Pas Kediaman khususnya bagi kategori yang dimaksudkan telah melibatkan sokongan dari badan-badan ataupun autoriti yang lain yang ada mempunyai kepentingan terhadap golongan ini. Malahan, pihak kerajaan Malaysia telah melantik sebuah syarikat yang bertanggungjawab menguruskan dan '*focal point*' hal ehwal pelabur dan '*entrepreneur*' [FDI] yang terdiri warganegara asing di Malaysia - TALENTCORP.

Dalam konteks negara ini, dicadangkan supaya sokongan akan dibuat oleh Brunei Economic Development Board bagi **Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan luar negeri** manakala sokongan Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian yang berkenaan bagi kategori Pakar-pakar dan Profesional.

Bagi memantapkan lagi sokongan dan pernilaian permohonan mendapatkan Pas Kediaman berkenaan adalah dicadangkan supaya satu Jawatankuasa khas/ Lembaga dibentuk yang terdiri dari stakeholders yang berkepentingan berhubung kemasukan FDI dan kategori-kategori yang di maksudkan. Secara tidak langsung, ahli-ahli yang dilantik dapat mengetahui isu-isu berkaitan FDI dan pelaburan dalam konteks negara ini.

Hasil dari penilaian dan sokongan dari agensi-agensi berkenan akan dihadapkan kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi tindakan lanjut.

6.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, masih terdapat perkara dasar yang masih perlu dibincangkan dengan pihak-pihak yang lain. Di samping itu juga, ianya juga akan melibatkan penggubalan undang-undang sekiranya Pas Kediaman ini dilaksanakan terutama dari sudut kuasa dan pengeluaran Pas Kediaman, borang yang dipersyaratkan mendapat Pas Kediaman dan juga kelayakan tambahan berhubung Pas Tanggungan.

Kertas kerja ini juga belum menyentuh mengenai bayaran yang dikenakan bagi mendapatkan pengeluaran endorsemen Pas Kediaman seperti yang diperaktikkan di Malaysia. Kerajaan Malaysia mengenakan bayaran RM500 bagi setiap pengeluaran endorsemen Pas Residen. Walaubagaimana pun perkara ini bolehlah diketengahkan memandangkan pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran pernah membuat cadangan mengenaikan bayaran bagi pas-pas Imigresen yang dikeluarkan.

7. Penutup

Kertas kerja ini telah dapat memberi gambaran tentang wujudnya initiatif kerajaan negara lain yang bersifat status keimigresen kepada warganegara asing yang telah dapat menyumbangkan kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan Negara, dan juga golongan professional. Status keimigresen yang dimaksudkan adalah dalam bentuk Permit mahupun Pas Imigresen. Yang membezakan di antara negara-negara ini adalah bentuk keistimewaan yang akan diberikan kepada pemegang penduduk tetap dan juga pemegang pas Imigresen berkenaan.

Kertas kerja ini juga telah dapat menghuraikan tentang perbezaan di antara permit dan pas Imigresen. Dalam masa yang sama juga faktor pemberian kemudahan pihak kerajaan kepada penduduk tetap yang termasuk pendidikan, kesihatan dan lain-lain telah menjadi tarikan kepada sebahagian golongan warganegara asing yang telah lama menetap dan bermastautin di negara ini .

Di dalam kertas kerja ini telah dicadangkan suatu jenis pas Imigresen baru diperkenalkan yang mana ianya diberi kuasa oleh Pengawal Imigresen bagi membolehkan kategori warganegara asing yang telah lama menetap dan tinggal di negara ini dikeluarkan satu kebenaran pas untuk tinggal tempuh 5 tahun secara berterusan yang digelar 'PAS KEDIAMAN'. Dua kategori yang berkelayakan untuk memohon Pas Kediaman ini ialah yang mempunyai ikatan kekeluargaan [Tier 1] dan Kategori-kategori Profesional, Pelabur dan Ahli-ahli Perniagaan dimasukkan [Tier 2].

Dari penelitian lanjut, initiatif pemberian Pas Kediaman ini sekurang-kurang telah dapat memenuhi hasrat pihak Kerajaan dari sudut dasar kependudukan; dan juga penarikan golongan professional, ahli-ahli perniagaan dan pelabur yang dijangka dapat menyumbang dalam pertumbuhan ekonomi Negara. Dalam masa yang sama, juga ianya merupakan strategi di dalam melambatkan malahan dikawal pemberian status penduduk tetap di negara ini.

Disediakan oleh
Azmi Haji Hafneh

15 Mei 2013 (dikemaskinikan Februari 2018)

LAMPIRAN A

Bil.	KATEGORI	SYARAT MASA INI
1.	Anak kepada Bapa Warganegara Brunei (Berasaskan kebenaran awal)	Bagi kategori ini tidak memerlukan persyaratan kerana anak yang dipohonkan adalah berhak memiliki warganegara Brunei mengikut ayahnya
2	Asal Usul Keturunan Yang Terbukti (Berasaskan kebenaran awal)	Tempoh 10 tahun menetap bagi yang lahir luar negeri dan tempuh 7 tahun dalam negeri. Dapat membuktikan asal-usul keturunan RAKYAT JATI
3	Anak Angkat kepada Ibu/ Bapa Warganegara Brunei (Berasaskan Surat SUT KHEDN – 11/5/1994 dan secara pentabiran)	Tempoh tinggal bersama ibu bapa angkat secara terus menerus tidak kurang dari 5 tahun dan tinggal menetap di negara ini
4	Anak Angkat kepada Ibu/ Bapa Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Berasaskan secara pentabiran)	Tempoh tinggal bersama ibu bapa angkat secara terus menerus tidak kurang dari 10 tahun dan tinggal menetap di negara ini
5	Anak Tiri kepada Bapa Warganegara Brunei (Berasaskan secara pentabiran)	Tempoh anak tiri berusia dibawah 16 tahun semasa mengikut Ibu (warganegara asing) tinggal menetap di Negara ini. Anak tiri telah menetap 5 tahun di Negara ini selepas ibunya berkawin dengan bapa tirinya
6	Anak Tiri kepada Bapa Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Berasaskan secara pentabiran)	Tempoh anak tiri berusia dibawah 16 tahun semasa mengikut Ibu (warganegara asing) tinggal menetap di Negara ini. Anak tiri telah menetap 10 tahun di Negara ini selepas ibunya berkawin dengan bapa tirinya

7	Isteri kepada suami Warganegara Brunei Darussalam (Berasaskan kebenaran awal)	Tempoh perkahwinan dan tinggal menetap di negara ini selama 2 tahun.
8	Isteri kepada suami Penduduk Tetap NBD (Stateless/ Warganegara Asing) (Berasaskan kebenaran awal)	Tempoh perkahwinan dan tinggal menetap di negara ini selama 5 tahun .
9	Anak kepada bapa Penduduk Tetap [Stateless/ Warganegara Asing] (Berasaskan Surat SUT KHEDN – 11/5/1994)	Tempoh usia 2 tahun 6 bulan anak dan tinggal menetap di negara ini.
10	Anak kepada ibu warganegara Brunei Darussalam (Berasaskan Surat SUT KHEDN – 11/5/1994)	Tempoh usia anak 2 tahun dan tinggal menetap di negara ini.
11	(ANAK TAK SAH TARAF) - Anak kepada ibu Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam [Stateless/ Warganegara Asing] (Berasaskan Surat SUT KHEDN – 11/5/1994)	Tempoh usia anak 7 tahun dan tinggal menetap di negara ini. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Tidak mengira status ibunya sudah berkahwin atau tidak semasa menghadapkan permohonan
12	(IBU BAPA BERCERAI / BAPA MENINGGAL) - Anak kepada ibu Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Stateless/ Warganegara	Tempoh usia anak 7 tahun dan tinggal menetap di negara ini. Bagi kes bercerai, usia perceraian mencapai 2 tahun.

	<p>Asing) dan pernah berayahkan warganegara asing.</p> <p>(Berasaskan Surat SUT KHEDN – 11/5/1994)</p>
--	---

LAMPIRAN B

AKTA IMIGRESEN 1959/63
PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 54 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] Menteri, dengan persetujuan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 April 2011.

(3) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia tertakluk kepada Bahagian VII Akta Imigresen 1959/63.

Pindaan peraturan 1

1. Subperaturan 1(2) Peraturan-Peraturan Imigresen, 1963 [L.N. 228/63] yang dirujuk sebagai "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas definisi "passport" definisi yang berikut:

"professional or specialist qualification" means a special qualification certified by a recognized institution or regulatory agency in Malaysia;

"Residence Pass" means a Pass issued to a person under regulation 16A;".

Pindaan peraturan 8

2. Subperaturan 8(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(i) dengan mengantikan noktah di hujung perenggan (g) dengan koma bernoktah; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
- “(h) a Residence Pass.”.

Peraturan baru 16A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 16 peraturan yang berikut:

“Residence Pass

16A. (1) A Residence Pass may be issued by the Director General to any person, other than a prohibited immigrant, who satisfies the Director General that he is within any of the categories of persons specified in subregulation (7).

(2) A Residence Pass shall, subject to the conditions stated in the Pass and to these Regulations, permit the holder to remain temporarily for any reason not inconsistent with the provisions of the Act for the specified period only in Peninsular Malaysia, Sabah or Sarawak to which it relates.

(3) The Director General may require any person applying for a Residence Pass to make an application in the Form 16A sets out in the Second Schedule and shall furnish the Director General with two recent photographs of the applicant.

(4) A Residence Pass issued under this regulation is valid for a period of not exceeding five years subject to the terms and conditions as determined by the Director General:

Provided that the Director General may, from time to time make, the Residence Pass valid for any number of entries during the period of its validity or

extend the period of its validity or alter, add or delete any conditions stated in such Pass.

(5) The holder of a Residence Pass issued under this regulation shall not without the consent in writing of the Director General, —

- (a) give any form of political lectures, speeches, talks or engage in any political activity; or
- (b) be a member or associate with any organization, society, union, association, or any activity affiliated to any religious or social body which is not officially recognized under any other written law.

(6) The foregoing paragraphs shall apply in relation to a Residence Pass for a person to enter Sabah or Sarawak from within the Federation as they would apply as if his entry were from outside the Federation.

(7) No person shall be considered for the issuance of a Residence Pass unless they belong to any of the categories stated below:

- (a) the husband or wife of a citizen or a person who has been issued with an Entry Permit under section 10;
- (b) the husband or wife of a person in category (d) or (e);
- (c) a child under eighteen years of age of a person under category (a), (b), (d) or (e);
- (d) any person who has professional or specialist qualification which would enable him to follow his profession or occupation in Peninsular Malaysia, Sabah or Sarawak, as the case may be, without prejudicing the interests of citizens

and permanent residents in Peninsular Malaysia, Sabah or Sarawak with corresponding or similar qualifications; or

- (e) any other categories of persons as may be determined by the Minister in accordance with the policy of the Government.

(8) A Residence Pass shall be—

(a) in the Form 16B sets out in the Second Schedule;

(b) in the form of an endorsement on the passport or travel document; or

(c) in any other form as the Director General may determine.

Pindaan Jadual Kedua

4. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan Borang 16 dengan borang yang berikut:

"FORM 16A
IMM116A
MALAYSIA
IMMIGRATION REGULATIONS, 1963
APPLICATION FOR RESIDENCE PASS
[Regulation 16A]

1. Full name:

.....

2. Other names (if any):

.....

3. Sex: 4. Date of birth: 5. Place of Birth:

.....

6. Full address in Malaysia:

7. Contact No.: 8. Academic qualification:

9. PARTICULARS OF TRAVEL DOCUMENT HELD:

- (a) No. of Travel Document:
 - (b) Country of Issue:
 - (c) Valid until:
 - (d) Nationality/Citizenship:
 - (e) Malaysian Identity Card No (if any):
-

10. If Visa granted before arrival, state:

- (a) Reference No:
 - (b) Place of issue:
 - (c) Valid Until:
-

11. Date of present entry: 12. Date up to which current pass is valid:.....


13. Reason for application:

.....

14. Date: 15. Signature of applicant:



Left Index Finger



Right Index Finger

DECLARATION BY LOCAL SPONSOR IN SUPPORT OF AN APPLICATION FOR
RESIDENCE PASS

I, the undersigned, wish to sponsor the above application:

Particulars of myself are as follows:

Full name:

Sex: Date of birth: Place of birth:

Identity Card No.:

Profession/Occupation:

Name of business:.....

Address of business:.....

Present address:.....

Telephone no. :

E-mail address :

I, hereby certify that-

- (a) I have known..... personally for a period of..... years;
- (b) He is not to the best of my knowledge and belief within the category of persons prohibited to enter into Malaysia;
- (c) The statement made by him in this application is true.

I further certify that the attached photographs, one of which I have endorsed accordingly on the back, are true likeness of the applicant.

Dated this day of 20.....

.....
Signature of sponsor

FORM 16B

MALAYSIA
IMMIGRATION REGULATIONS, 1963
RESIDENCE PASS
[Regulation 16A]

Outside

Reverse of counterfoil

Page 1

MALAYSIA
RESIDENCE PASS
IMMIGRATION REGULATIONS, 1963
[Regulation 16A]

This Pass—

- (i) permits the holder —
 - (a) to enter on or before
 - (b) to remain temporarily in for months from the date of arrival for the purpose of
- (ii) is not a travel document and will not be accepted as such;
- (iii) must be produced to the Immigration Officer on arrival;
- (iv) is liable to cancellation if used for a purpose other than that stated under (i) above.

Issued atthisday of, 20.....

.....
Director General of Immigration".

Pindaan Jadual Ketiga

5. Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas butiran VII butiran yang berikut:

"VIIA. RESIDENCE PASS

RM500 per issuance".

Dibuat
[KDN

2011
; PN(PU2) 100/XIV]

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Dalam Negeri

[Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen 54(2) Akta Imigresen 1959/63]